

27 MAR 1998

Abdullah-Pendatang

KEM PELARIAN UNHCR UNTUK PENDATANG TIDAK PERLU

SABAK BERNAM, 27 Mac (Bernama) -- Kem pelarian di bawah kelolaan Pesuruhjaya Tinggi Bagi Pelarian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNHCR) tidak perlu dalam usaha menghantar pulang pendatang tanpa izin Indonesia kerana mereka bukan pelarian.

Menteri Luar Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi berkata, pendatang tanpa izin dari Indonesia datang ke negara ini mencari kerja disebabkan keadaan kegawatan ekonomi di negara mereka dan Malaysia menjadi pilihan kerana kedudukannya yang paling hampir dengan negara itu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan agensi berita AFP mengenai gesaan Pengarah Human Right Watch, bahagian Asia, Mike Jendrzejczyk yang meminta supaya Malaysia membenarkan UNHCR mengendalikan proses penghantaran pulang pendatang tanpa izin itu.

"Mungkin mereka tidak tahu apa yang berlaku di sini, apa yang patut mereka tahu ialah Indonesia faham dengan apa yang sedang berlaku dan memberi kerjasama kepada kita untuk menghantar pendatang itu pulang," katanya dalam sidang berita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Sabak Bernam di Dewan Seri Bagan Nakhoda Omar di sini, petang ini.

Jendrzejczyk membuat gesaan itu ekoran rusuhan oleh pendatang-pendatang di kem-kem tahanan di negara ini dengan dalam kejadian semalam seorang anggota Polis Simpanan Persekutuan (FRU) dan lapan pendatang tanpa izin terbunuh dalam kejadian rusuhan di Depot Tahanan Sementara Imigresen di Semenyih.

Pendatang-pendatang itu merusuh sebagai membantah tindakan menghantar mereka pulang.

"Kita tidak terima apa-apa berita dari Indonesia berhubung perkara itu, dia (Indonesia) pun faham bahawa ia bukan satu perkara yang mudah untuk menguruskan penghantaran mereka pulang kerana bilangannya yang ramai," katanya.

Apabila para pendatang itu membantah usaha penghantaran pulang, maka rusuhan berlaku dan Abdullah menyifatkan ia sebagai satu kejadian yang amat mendukacitakan.

Sementara itu mengenai kehadiran Naib Presiden Indonesia, B.J. Habibie untuk menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, Abdullah berkata ia tidak kena mengena dengan kejadian rusuhan itu.

Habibie telah merancang untuk singgah di sini dalam perjalanannya ke Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di London lama sebelum kejadian rusuhan itu berlaku, katanya.

Abdullah berkata, sekiranya Habibie merasakan isu berhubung rusuhan itu perlu dibangkitkan dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, maka ia terserah kepadanya untuk berbuat demikian.

"Saya tidak tahu apa yang dia akan bincangkan dengan Perdana Menteri nanti," katanya. -- BERNAMA

AZH PR